

36

SOALAN NO: 412

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS**  
**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEENAM,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: YB DATO' DR. SHAMSUL ANUAR BIN HAJI  
NASARAH

SOALAN:

**Dato' Dr. Shamsul Anuar Bin Haji Nasarah [ Lenggong ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah bentuk kerjasama serta usaha yang telah dilaksanakan oleh Kementerian bersama agensi swasta dalam mengurangkan kes kemalangan yang berlaku di tempat kerja selaras dengan sasaran 20 peratus terendah di Asia Tenggara. Nyatakan pencapaian Kementerian berhubung perkara ini.

PR-1361-T01734

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

1. Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) di bawah Kementerian Sumber Manusia adalah Jabatan yang dipertanggungjawabkan untuk menguatkuasakan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, 1994 dan Akta Kilang dan Jentera, 1967.

2. Sejak tahun 2005 JKKP telah menggandakan usaha dengan merancang dan melaksanakan dua Pelan Strategik 5 Tahun Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHMP) iaitu OSHMP 2005 - 2010 dan OSHMP 2011 - 2015 bagi mempertingkatkan tahap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja dengan melibatkan kerjasama agensi swasta. Hasilnya telah menyaksikan penurunan bilangan dan kadar kemalangan.

3. Pada tahun 2005 kadar kemalangan setiap 1,000 pekerja adalah 5.16 dan pada tahun 2016 adalah 2.88 iaitu penurunan sebanyak 44.2%. Manakala kadar kematian setiap 100,000 pekerja, pada tahun 2005 adalah 6.93 dan pada tahun 2016 adalah 4.84 iaitu penurunan sebanyak 30.2 %.

**Jadual : Kadar Kemalangan Di Tempat Kerja**

<b>Tahun</b>	<b>Bilangan Kemalangan</b>	<b>Kadar Kemalangan (setiap 1,000 pekerja)</b>	<b>Kadar Kematian (setiap 100,000 pekerja)</b>
2005	51,829	5.16	6.93
2010	41,467	3.68	6.45
2016	41,005	2.88	4.84

4. Pelaksanaan **OSHMP** akan melibatkan pihak yang berkepentingan termasuklah agensi swasta seperti:

- (i) Penubuhan Majlis Negara Bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan atau MNKKP sebagai badan *tripartite* tertinggi negara melalui konsep peraturan sendiri dalam menggalakkan pembangunan garis panduan KKP, latihan, penyebaran dan perkongsian maklumat, dan promosi serta kempen oleh pihak industri. Ahli MNKKP adalah terdiri daripada pihak kerajaan, majikan, pekerja, persatuan dan kesatuan industri, pemegang taruh dan pihak berkepentingan dalam KKP;
- (ii) Kerajaan memainkan peranan dalam mempertingkatkan penglibatan dan kerjasama agensi-agensi kerajaan, majikan, pekerja, persatuan dan kesatuan industri, pemegang taruh dan pihak berkepentingan dalam KKP

untuk menyumbang idea dan cadangan bagi memantapkan pengurusan dan tadbir urus KKP negara;

- (iii) Perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang terdiri daripada 90% daripada jumlah industri di Malaysia akan dibantu melalui program sokongan pematuhan khas;
- (iv) Pihak industri bekerjasama dalam usaha dan sokongan untuk menggalakkan dan memupuk budaya pencegahan melalui pematuhan undang-undang, pendidikan, rangkaian dan rantaian pembekal perniagaan, aktiviti tanggungjawab sosial, aktiviti masyarakat dan komuniti;

5. Di antara program-program yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- (a) Program LIFE (*LIFE: Lift and Escalator Safety Programme*) di *hypermarket* dan tempat tumpuan orang awam bagi meningkatkan kesedaran KKP di kalangan orang awam terhadap penggunaan lif dan eskalator.
- (b) Program *MOVE (Managing OSH among Vendors & Entrepreneurs)* - Budaya Pencegahan dapat diterapkan kepada vendor dan usahawan untuk memastikan syarikat mempunyai elemen KKP dalam Kontrak.
- (c) Program latihan – Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) adalah merupakan salah satu

40

agensy penyedia latihan berkaitan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan. Sepanjang tahun 2016 sehingga 2017, NIOSH telah berjaya menganjurkan sebanyak **11,802 program latihan** yang melibatkan seramai **253,952 peserta**.